

15 JAN 1999

Mohamed-Anwar

MOHAMED RAHMAT NAFI SEBARANG PERJUMPAAN KOMPLOT TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat menafikan laporan akhbar Business Times Singapura yang mendakwa beberapa anggota kanan kerajaan Malaysia dan Umno bertemu di kediaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Nov yang mengikut akhbar itu "untuk komplot 'Pusingan Kedua' memerangi Datuk Seri Anwar Ibrahim."

"Saya menafikan sepenuhnya bahawa sebarang perjumpaan seumpama itu diadakan," kata Mohamed yang juga setiausaha agung Barisan Nasional (BN) dalam satu kenyataan hari ini.

Menteri itu berkata beliau adalah seorang daripada pemimpin yang didakwa menghadiri mesyuarat itu bersama-sama Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik.

Mohamed menyifatkan laporan akhbar harian Singapura pada 13 Jan itu sebagai "niat buruk untuk menjejaskan kerajaan Barisan Nasional dan Umno di bawah kepimpinan Dr Mahathir."

Beliau berkata artikel itu berdasarkan daripada apa yang penulis itu dakwa satu "dokumen bocor".

"Berdasarkan premis palsu daripada dokumen bocor itu, penulis terus menganalisis rombakan kabinet baru-baru ini dan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri," kata Mohamed.

Katanya berdasarkan siasatan lanjut, beliau mendapati bahawa apa yang dikatakan dokumen bocor itu adalah dakwaan laporan mesyuarat palsu yang terdapat dalam laman web pro-Reformasi di Internet sebulan lalu.

"Perbualan yang dipetik oleh penulis SBT (Business Times Singapura) dalam artikelnya itu adalah serupa dengan laporan palsu dalam Internet.

"Sebagai Menteri Penerangan, saya sedar penyalahgunaan yang boleh dibuat secara bebas menerusi dunia siber.

"Bagaimanapun, saya menjangkakan sebuah akhbar yang dihormati di Singapura seperti Business Times akan lebih bertanggungjawab daripada memetik artikel yang tidak boleh dipercayai daripada Internet, menyiarkannya sebagai dokumen bocor dan memfitnah kepimpinan Melayu Malaysia," katanya.

Mohamed berkata berbeza daripada amalanewartawanan biasa yang baik, penulis mahupun akhbar tidak cuba mendapatkan pengesahan berita itu dengan beliau. "Ia adalah laporan yang tidak beretika dan tidak profesional yang telah mencemarkan nama media asing," katanya.

"Pada ketika hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia sedang diperbaiki, artikel yang membangkitkan kemarahan dan berniat jahat oleh sebuah akhbar yang dihormati di republik itu adalah tidak baik untuk proses pemulihan itu," katanya.

Mohamed berharap laporan itu hanya merupakan "satu penulisan buruk kewartawanan dan tidak mempunyai sebarang agenda lain" oleh penulis atau Business Times Singapura yang menyiarkan artikel itu dan telah diterbitkan semula oleh (akhbar Singapura lain), The New Paper.

-- BERNAMA

ES RHM RON